

## Jambia Terawang-Awang di Udara

Maulana Sultan Murad yang pertama, telah mempunyai seorang putera yang telah dilantik sebagai “putera mahkota” yang bakal mewarisi takhta kerajaan Uthmaniyyah yang telah besar pengaruhnya dan mempunyai jajahan takhluk yang tidak terbilang banyaknya. Putera mahkota yang sedang dalam peringkat dewasa itu tidak kurang gagah perkasa dari ayahnya. Ia telah diramalkan oleh Shaykh Ibrahim al-Basri, bahawa anak muda itu akan mempunyai kuasa yang luar biasa, bila ia mengepalai angkatan perang kelak, ia akan dapat menghalang musuhnya secepat kilat . . . . maka apa yang telah diramalkan oleh orang tua itu benar-benar berlaku. Putera mahkota Bayazid Ibn Sultan Murad telah mematahkan serangan orang-orang Balkan seperti kilat memeranjatkan orang di tengah-tengah hari . . . . Orang-orang Balkan dan musuh-musuh lainnya menggelarkan putera mahkota itu sebagai “Panglima Kilat” yang amat ditakuti dan disegani.

Mana-mana yang masih belum dapat dialihkan lagi, membuat perundingan dengan tetangga sejiran untuk mempertahankan diri dari serangan-serangan tentera Islam Uthmaniyyah yang semakin hari semakin meluas daerahnya dan besar pengaruhnya.

Amir Serbia “Lazarus” telah mengajak negara-negara jirannya supaya sama-sama bersatu padu untuk mempertahankan diri atau untuk membuat serangan balas terhadap tentera-tentera kerajaan Uthmaniyyah. Ia bersusah payah dengan berdaya upaya untuk membuat perhubungan-perhubungan dengan

kerajaan-kerajaan Albania, Bulgharia<sup>1</sup>, Hungaria, Polonia dan lain-lainnya. Tetapi Sultan Murad bila mengetahui pakatan tersebut akan dilakukan oleh musuh-musuhnya, ia tidak membuang masa membuat serangan demi serangan sebelum mereka itu sempat mengadakan gerakan serentak untuk menyerangnya. Sampailah ia ke suatu tempat bernama “Kasufa”<sup>2</sup> di mana Lazarus dengan teman-temannya sedang mengadakan rundingan . . . .

Orang-orang yang tinggal di Adrinah<sup>3</sup> sentiasa tertunggu-tunggu dengan khabar berita dari medan perang . . . . Mereka sentiasa mendoakan supaya pasukan tentera Islam yang dipimpin oleh Maulana Sultan Murad yang pertama beroleh kejayaan.

Pada saat yang genting itu, di masa semua perkawalan diperketat untuk menjaga keselamatan negeri, pada suatu malam gelap kelam para pengawal yang ditugaskan bergilir ganti untuk menjaga keselamatan negerinya, sambil berjaga-jaga untuk menerima apa khabar berita dari medan hadapan.

Di sebuah rumah kecil yang diduduki oleh Shaykh Ibrahim al-Basri dengan menantunya (bekas isteri anak muda kepada orang tua itu), perempuan jelita itu sedang duduk termenung di ambang pintu rumahnya, dengan fikirannya yang melayang-layang hingga ke awan langit biru . . . . Orang tua ayah mertuanya itu dibiarkannya duduk menghalai kiblat untuk meneruskan segala doa-doa

<sup>1</sup> Dieja sebagai Bulgharia, bukannya Bulgaria

<sup>2</sup> Dieja sebagai Kasufa, bukannya Kosovo

<sup>3</sup> Dieja sebagai Adrinah, bukannya Adirnah

dibacanya selepas sembahyang. Kerana angin segar yang menjamah-jamah tubuh badan wanita jelita itu, ia terasa matanya kuyu layu dan tersenguk-senguk seperti orang mengantuk, sekali-sekali tak dapat juga ia melawan kantuknya itu merasa tidak sanggup lagi, biar pun telinganya masih dapat mendengar, tetapi kelopak matanya terkutup . . .

Dan di antara jaga dan tidur itu dilihatnya seperti ada suatu benda berkilat di atas awang-awang dan benda kilat itu berjalan laju dan menuju ke suatu tempat yang memang dikenalnya . . . . segera ia terjaga dan . . . . secepat itu pula ia berlari-lari ke dalam menjumpai ayahnya:

- Ayah . . . . ! Ayah . . . . !

- Apa Naimah? Mengapa . . . ? Dan mengapa kelihatan engkau seperti di dalam ketakutan?

- Ayah . . . . Ayah . . . . ! Saya bermimpi . . . . Eh . . . . Bukan mimpi . . . . tetapi . . . . Saya antara jaga dan tertidur, saya nampak ada sesuatu benda yang berkilat di udara, kemudian benda yang berkilat itu sah saya lihat sebagai sebilah khanjar yang terawang-awang di udara dan kemudian menjunam lalu masuk ke istana maulana Sultan Murad . . . . Dan akhirnya khanjar itu berada di kaki maulana Sultan kita.

Lepas berkata itu gadis jelita itu kelihatan termengah-mengah duduk bersimpuh di hadapan orang tuanya dan ada tanda-tanda yang menunjukkan ia masih dalam ketakutan.

Orang tua itu kemudian menepuk-menepuk bahu gadis jelita itu sambil berkata:

- Tidak ada yang perlu kau takutkan, itu hanya suatu impian . . . . Kelak akan ku cari apa

ta'birnya, kalau pada impian-impian lain pernah ku jumpai ta'birnya, pada mimpimu ini juga akan ku dapati kelak ta'birnya. Mungkin apa yang kau impikan itu, ada kena mengenanya dengan maulana Sultan yang sedang berada di medan perang.

Di tengah-tengah bandar "Kasufa" Sultan Murad yang pertama sedang dikelilingi oleh pasukan tenteranya, sedang melihat saujana mata memandangi keadaan bandar yang indah itu, yang menjadi tempat berkumpulnya kerajaan-kerajaan Balkan untuk mengatur penentangan terhadap kerajaan Uthmaniyyah. Biar pun demikian Sultan Murad melawan segala penentangan itu dengan tentera-tenteranya yang kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan jumlah besar tentera-tentera pasukan musuhnya yang telah menyatukan diri, dia tidak menghirau segala kebesaran jumlah musuhnya, dia tidak menghirau segala kekuatan musuh, malahan ia tidak menghirau segala apa yang selama ini mengacau fikirannya . . . .

Ya! Dalam beberapa hari ini fikiran maulana Sultan terganggu . . . . kerana suatu impian yang dilihatnya masa ia tidur pada suatu malam baginda telah bermimpi . . . . ada sebilah khanjar . . . . dengan tiba-tiba . . . . terpacak di dada . . . . etapi sebelum khanjar itu menembusi dadanya ia telah mempermain-mainkan mata khanjar yang berkilat tajam itu . . . . Ia tersedar dari tidurnya . . . . dan segera ia akan mempertahankan supaya orang tua yang keramat itu dipanggil untuk mendapatkannya, atau ia akan menghantarkan utusan untuk menjumpai orang tua itu, meminta tahu apakah takbir impiannya semalam itu . . . .

Baginda juga pada sehari dua itu, hampir-hampir sahaja akan memerintahkan supaya pasukan tenteranya

berundur dari tempat itu, untuk membuat serangan-serangan yang lebih besar di kemudian hari . . . . tetapi kerana menjaga namanya dan supaya jangan menyebabkan ketakutan kepada pasukan tentera-tenteranya . . . . Ia enggan memerintahkan segala yang telah diangan-angankan itu, malahan ia sentiasa memerintahkan supaya angkatan tenteranya terus maju.

Pada suatu hari sedang ia memerintahkan pasukan tentera-tenteranya untuk membuat serangan-serangan di sana sini, tempat-tempat yang telah dirancang, tiba-tiba didengarnya suara riuh rendah orang ramai . . . . Dilihatnya beberapa orang panglima perangnya sedang mengelilingi seorang perempuan penunggang kuda . . . . Dan perempuan ini berpekok untuk minta dibenarkan supaya ia dapat bertemu muka dengan maulana Sultan.

Perempuan penunggang kuda itu bukanlah lain daripada “Naimah”, yang membawa utusan dari orang tua keramat Shaykh Ibrahim al-Basri. Setelah ia menempuh perjalanan-perjalanan yang memerbahaya, sampailah ia ke tempat di mana ia mengetahui maulana sultan sedang berada dengan pasukan tenteranya.

Tiba-tiba setelah ia sampai ke tempat itu, ia tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan maulana Sultan, kerana itu ia terpekik-pekik untuk dibenarkan menjumpainya . . . . Baginda Sultan Murad bila mendengar suara itu tahulah dia bahawa wanita itu bukan lain daripada “Naimah” menantu kepada Shaykh Ibrahim, lalu segera ia memerintahkan supaya wanita itu dibenarkan mengadap di hadapannya, kerana baginda mengagak tentu ada suatu perkara penting yang diutuskan oleh orang tua keramat itu untuknya . . . . Benar segala sangkaan baginda itu,

kerana selama ini bila ia tergerak hendak menjumpai Shaykh Ibrahim, tiba-tiba utusan orang tua itu, atau kadang-kadang Shaykh itu sendiri tiba-tiba berada di hadapan . . .

Setelah wanita muda itu berada di hadapan mengangkat sembah, baginda lalu bertanya:

- Apa khabar ayahmu Shaykh Ibrahim hai Naimah?

Aku berhajat sangat hendak menjumpainya, kerana pada suatu malam aku bermimpi suatu yang menyebabkan fikiranku terganggu . . . .

- Tuanku juga bermimpikan demikian gerangan?

Kata wanita muda itu dengan kehairanan . . . .

- Hamba diutuskan oleh ayah hamba supaya menyampaikan ta'bir mimpi yang telah hamba impikan pada suatu malam di . . . .

- Apa kata ayahmu? . . . . Dan apakah yang telah engkau lihat dalam mimpimu itu?

Olah “Naimah” lalu diceritakan kepada baginda Sultan apa yang telah dilihatnya dalam masa ia diantara tertidur dan jaga di muka pintu rumahnya pada beberapa malam yang lalu . . . . Kemudian ia meneruskan katanya:

- Ayah berkata . . . . Tuanku jangan takut!

Dan jangan hiraukan segala kebesaran jumlahnya angkatan musuh . . . . Kerana kemenangan dalam peperangan ini telah termaktub bagi tuanku dan pasukan tentera tuanku . . . . Tetapi hendaklah tuanku jaga . . . !  
Jaga tipu daya musuh . . . . Hendaklah tuanku jaga daripada orang yang menundukan diri di kaki tuanku . . . . Daripada sekarang ini . . . .

Wanita itu terdiam sebentar . . . . manakala maulana

sultan kelihatan sedang berfikir . . . . Lalu menoleh kepada beberapa orang panglima-panglima perangnya sambil berkata: - sungguh menghairankan . . . . Dua impian yang hampir-hampir serupa . . . . Perempuan ini melihat dalam mimpinya di Adrinah sebuah khanjar menjunam ke istanaku di Adrinah . . . . Dan di sini aku melihat dalam mimpiku ada sebilah khanjar menjunam ke khemahku di Kasufa ini . . . . Kalau Shaykh Ibrahim berada di samping kita, tentu ia tahu apa takbir mimpiku itu, sebagaimana ia telah mentakbirkan mimpi wanita ini . . . . Dua bilah khanjar, sebilah di tapak kakiku dan sebelah lagi di dadaku . . . .

Orang-orang yang mengelilingi baginda semuanya mendingankan diri bila mendengar kata-kata baginda itu . . . . tetapi maulana sultan kemudiannya kelihatan gembira . . . . Dan ketawa terbahak-bahak . . . . Sambil mengeluarkan perintah . . . . - Hai pahlawan-pahlawanku yang gagah berani! Esok kita akan menyerang musuh . . . Kita jangan menanti sampai mereka itu membuat serangan . . . Bersedialah . . . Kita telah diramalkan akan beroleh kemenangan yang gilang gemilang . . .

\* \* \*

Ahli-ahli tawarikh kerajaan Uthmaniyyah mensifatkan pertempuran atau peperangan yang berlaku di Kasufa, yang berlaku pada pertengahan bulan Jun 1389 Masihi itu, demikian:

“Mata pedang kelihatan bersinar-sinar bercahaya menyala di panas terik matahari, di kanan kiri darah bagi dicurah-curah, bumi menjadi merah, merah meri tumpahan

darah yang dicipta oleh mata-mata pedang itu . . . Di sekitar medan perang itu, kepala-kepala bergelimpangan bercerai daripada jasadnya . . . . Di sana sini topi-topi bercampur aduk dengan serban-serban yang terlepas bebas dari ikatan kepala . . . . Seimbas mata memandang ia akan merupakan bunga-bunga yang bertaburan di bumi dengan rona yang beraneka rupa.”

Peristiwa itu membenarkan segala ramalan, angkatan tentera kerajaan Uthmaniyyah telah mendapat kejayaan yang gilang gemilang di medan peperangan itu, ia telah dapat menghapuskan saki baki tentera-tentera pihak musuh yang telah bercerai berai, dan mematahkan serangan-serangan yang tadinya disusun rapi dari angkatan-angkatan negeri-negeri yang telah bersatu itu . . . .

Panglima-panglima perang angkatan kerajaan Uthmaniyyah semuanya mengelilingi rajanya, raja-raja dan pembesar-pembesar negeri yang dibawah jajahan takhluknya mengunjungi Sultan Murad yang pertama, kerana mengucapkan tahniah atas kemenangan yang gilang gemilang itu, dan di dalam suasana yang penuh riang dan gembira kerana kemenangan itu . . . Datalanglah<sup>1</sup> seorang penunggang kuda hitam, sambil mengangkat tangannya tanda menyerah diri, dan ia berkata bahawa padanya ada suatu rahsia yang akan disampaikan sendiri kepada Maulana Sultan Murad.

Sultan tidak melarang penunggang kuda itu untuk menemuinya . . . . Orang itu digiring sampai ke hadapan maulana Sultan . . . . Maulana sultan seolah-olah gembira melihat seorang panglima musuh bertelut di hadapan untuk membuka rahsia-rahsia yang diketahui . . . . Ya . . . . Panglima itu tunduk bertelut seperti hendak mencium kaki maulana Sultan yang sedang duduk dilindungi oleh

<sup>1</sup> Ejaan sebenar ialah Datanglah

satu payung hijau . . . . dan dengan tiba-tiba . . . .  
seperti kilat petir menyambar, dengan tidak disedari  
pemuda penunggang kuda itu melompat dari tunduknya  
dan ditangannya sebilah khanjar yang terus menjunam di dada  
maulana Sultan . . . . Sultan Murad rebah seketika  
itu juga . . . . Pembunuh itu segera hendak  
melarikan diri . . . . tetapi . . . . secepat itu  
pula dapat dijatuhkan oleh pengawal-pengawal Sultan yang  
setia dan mati seketika itu juga setelah segala  
badannya dikoyak-koyakkan dengan mata pedang pengawal-pengawal  
. . . .

Sultan Murad yang pertama, gugur syahid  
sebagai seorang pahlawan yang banyak jasanya terhadap  
kerajaan Uthmaniyyah, ia menutup matanya setelah sempat  
menitahkan perintah-perintahnya yang terakhir. Diantaranya memerintahkan  
supaya dibunuh panglima Lazarus, panglima yang menyebabkan  
ia mati terbunuh itu. Pembunuh itu dalam pengakuannya  
yang terakhir, beberapa ketika sebelum ia menghembuskan  
nafasnya . . . . Berkata bahawa ia terpaksa melakukan  
pembunuhan secara demikian itu untuk membuktikan bahawa  
ia tidak mengkhianati bangsa dan negerinya, kerana selama  
ini setelah mereka mengalami kekalahan yang hebat . . . . Ia  
dituduh oleh panglima Lazarus mengkhianati bangsa dan  
negerinya, serta menyebelahi tentera-tentera kerajaan Uthmaniyyah.

Benar sungguh segala ramalan yang dibuat oleh  
Shaykh Ibrahim al-Basri; kemenangan yang gilang gemilang  
seperti pancaran cahaya khanjar yang terawang-awang di udara,  
telah didapati oleh Maulana Sultan Murad . . . . Dan bila  
larangan orang tua keramat itu supaya jangan dibenarkan  
seorang pun sujud di kaki Sultan, tiada dihiraukan  
. . . . Berlakulah apa yang tidak disangka-sangka . . . .  
Khanjar yang tadinya bersinar-sinar di ufuk menta'birkan

kemenangan yang gilang gemilang rupanya khanjar itu jugalah  
yang menyebabkan kemangkatan sultan itu. Dan mulai  
dari saat itu, baharulah dikanunkan, tiada seorang  
pun dibenarkan sujud atau bertelut di hadapan sultan  
dalam kerajaan Uthmaniyyah.

Sultan Murad yang pertama dibawa kembali ke ibu  
negerinya dan dimakamkan di sana, dan diletakkan putera  
mahkotanya "Bayazid yang pertama" menduduki takhta  
kerajaan Uthmaniyyah menggantikan ayahandanya.

Wanita jelita "Naimah" kembali ke daerah . . . .  
sebelum ia sampai memberitakan apa yang telah berlaku kepada  
ayahnya, berita-berita kemangkatan Sultan Murad telah diterima oleh  
orang tua keramat itu, bersamaan dengan berita kemenangan  
gilang gemilang yang diperolehi oleh angkatan tentera kerajaan  
Uthmaniyyah.

Kemangkatan maulana sultan itu amat memeranjatkan  
Shaykh Ibrahim, yang membawa kepada kematiannya pula sebelum  
menantunya yang setia itu berada disampingnya . . . . Tetapi  
yang menggirangkan hatinya ialah setelah diketahui wanita  
jelita menantunya yang setia itu telah menyampaikan  
utusan yang diberikan kepada al-marhum Sultan Murad  
. . . . Tetapi suratan takdir tiada seorang pun yang  
akan dapat mengelakkan . . . . Lalu berlakulah apa yang telah  
berlaku . . . . Kisah duka yang tidak disangka-sangka juga  
dialami oleh wanita jelita yang taat kepada orang tua dan  
taat kepada agamanya itu . . . . Tatkala itu Sultan Murad  
berusaha dalam tujuh puluh tahun dan Shaykh Ibrahim  
berumur dalam sembilan puluh tahun.

(Dari: buah tangan Habib Jamati dari majalah:

"al-Maṣūir")